

06/11/2003

BN yakin dua negeri pulang ke pangkuan

Nik Yahya Abdul Rahman

TUN Dr Mahathir Mohamad baru saja bersara. Jawatan yang dipegangnya selama 22 tahun itu diserahkan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jumaat lalu. Ini bermakna, Umno dan Barisan Nasional (BN) kini ada nakhoda baru. Lumrahnya, orang baru, cabarannya juga pasti baru. Kalaupun ada yang sama tetapi `lenggok tari dan tingkah gendangnya' tidak sama.

Kesan pertukaran pucuk kepemimpinan ini sedang ditunggu oleh seluruh rakyat. Ramai meramalkan pilihan raya umum ke-11 akan diadakan tahun depan. Kita yakin Umno dan BN akan terus diberi mandat memerintah negara. Lebih penting, Umno dan BN perlu memperkukuh jentera bagi merampas kembali kerusi Parlimen dan negeri yang dikuasai pembangkang, khususnya Pas di Kelantan dan Terengganu.

Baru-baru ini, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh berikrar BN Terengganu akan menumbangkan kerajaan Pas pimpinan Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam pilihan raya umum akan datang. Kemenangan itu adalah hadiah istimewa persaraan Dr Mahathir.

Kemudian, kenyataan sama diikrarkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed di Kota Bharu selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 25 Oktober lalu.

Kedua-dua kenyataan itu mempunyai makna yang besar kepada Umno dan BN di kedua-dua negeri itu, apatah lagi ia dikaitkan dengan Presiden Umno. Bagaimanapun, kita yakin sebelum kenyataan itu dibuat, perkara ini dibincangkan dengan panjang lebar di peringkat Perhubungan Umno dan BN kedua-dua negeri berkenaan.

Kenyataan sama itu bukannya dirancang untuk dikeluarkan sebelum Dr Mahathir bersara atau hanya ungkapan `penyedap hati' penyokong Umno dan pengundi di kedua-dua negeri berkenaan. Mereka sedar dan insaf, ia suatu komitmen yang tinggi perlu dibuktikan Idris dan Mustapa demi untuk rakyat kedua-dua negeri.

Kemenangan berkenaan bukan saja hadiah berharga buat bekas Perdana Menteri, tetapi inilah satu-satunya mekanisme yang membolehkan Kerajaan Pusat bingkas membangunkan rakyat kedua-dua negeri berkenaan. Dari reaksi semasa, kita dapati rakyat kedua-dua negeri itu sudah bosan dengan tarian sumbang Pas selama 12 tahun di Kelantan dan hampir empat tahun di Terengganu, namun tiada jalan pintas untuk BN berkuasa. Hanya pilihan raya saja dapat menentukannya!

Sebenarnya, Idris dan Mustapa sedar yang kenyataan mereka itu akan `memakan diri' jika tidak diisi dengan tindakan serius, perancangan ampuh, strategi mapan dan penyusunan tenaga kerja pilihan raya mantap.

Maklumlah Pas juga ada banyak pengalaman `berlaga' dengan BN. Pemimpin dan penyokong Pas di Kelantan dan Terengganu pula bukannya macam pemimpin dan penyokong Pas di negeri lain. Mereka agak masak dengan orang Umno. Mereka kenal pendukung Umno. Mereka tahu kewibawaan dan kemampuan seseorang pemimpin Umno, baik di peringkat cawangan mahupun bahagian. Mereka sudah pasti boleh membaca tindakan yang bakal diambil oleh Umno setempat.

Kita sedia maklum, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, iaitu Pak Lah sendiri, telah melancarkan strategi `Gelombang Biru' pada April lalu di Besut yang dihadiri 20,000 penyokong Umno.

Kemudian, strategi berhemat Umno itu dilebar dan dilancarkan kembali di bahagian lain yang juga dihadiri oleh Pak Lah serta puluhan ribu penyokong Umno setempat.

Sebelum ini, sekurang-kurangnya dua kali sebulan Pak Lah akan berkunjung ke Terengganu. Tugas yang diberikan kepadanya oleh Dr Mahathir sebelum ini adalah berat. Kata orang `berat mata memandang, berat lagi bahu memikul' kerana Pak Lah perlu buktikan beliau mampu menongkah arus gelombang kebangkitan Pas di negeri `peteh Terengganu peteh' itu.

Untuk menumbangkan Pas di Terengganu, Pak Lah telah bekerja kuat. Pak Lah telah menganyam gelombang menjadi tali pengikat sauh kasih sayang rakyat Terengganu kepada Umno.

Beliau juga sudah memetik bintang timur menjadi kerongsang yang menyinari dada rakyat negeri itu. Segala-galanya sudah dilakukan. Cuma tidak keterlaluan kalau dikatakan yang kepemimpinan Umno Terengganu masih belum bertaut erat seperti diharapkan Pak Lah.

Barisan kepemimpinan Umno Terengganu perlu diperkukuh dan diperkemaskan lagi di semua bahagian. Yang nampak `kejap' paksinya hanya di Bahagian Besut. Di bahagian lain ada yang masih `kong kali kong'.

Justeru, untuk memantapkan Umno negeri itu, tugas Idris agak berat terutama bagi memastikan kepemimpinan di semua peringkat negeri itu tidak bermasam muka.

Idris juga perlu mampu untuk menghindarkan sikap `ini orang aku, itu orang aku' selain mewujudkan pasukan kerja yang mantap dan tidak berpuak-puak. Pada masa sama, kalau ada pemimpin bahagian yang berasa lama sangat di kerusi ketua bahagian, turunlah dengan sopan dan bukalah ruang untuk orang lain pula duduk.

Di samping itu, jangan ada pemimpin di peringkat bahagian yang menyuruh kawan berjalan di depan, kemudian menyepak tumit kawan dari belakang. Hindarkan pemimpin yang prejudis terhadap pemimpin lain di bahagian yang sama.

Elakkan dari dicap pemimpin bahagian yang angkuh - kononnya, `kalau aku tidak dicalonkan dalam pilihan raya yang akan datang, alamatnya negeri Terengganu terus disinari bulan purnama Pas.' Apa yang lebih diharapkan masyarakat setempat ialah jangan ada pemimpin Umno yang hanya mementingkan diri (poket) dan keluarga!

Berani penulis katakan yang Pak Lah masak benar dengan sikap dan masalah dalaman Umno Terengganu setelah bergaul rapat dengan ketua bahagian Umno negeri. Pak Lah mampu mentafsir sesuatu yang tersirat dan tersurat secara tepat!

Bagi menumbangkan Pas di Terengganu, Idris dan barisan orang kuatnya sudah menyenaraikan secara rawak 25 kezaliman Pas, 21 pembohongan Pas, enam pendustaan Pas mengenai Islam, tiga skandal balak dan tiga penyelewengan Pas di bawah Presiden dan Menteri Besarnya Hadi Awang yang membangkitkan kemarahan rakyat negeri itu.

Antara yang terserlah yang dilakukan Pas ialah penyingkiran pegawai kerajaan (pelantikan negeri) yang tidak condong kepada Pas termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Che Mat Jusoh pada Disember 1999; pemecatan ketua kampung (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung/JKKK) yang sedia ada dan digantikan dengan penyokong kuat Pas; khutbah jadi medan memfitnah Umno; merampas asrama anak yatim milik Perkaya; merampas wang ihsan untuk institusi pendidikan; lantik ahli keluarga dalam anak syarikat kerajaan negeri; wakil rakyat Pas dapat tanah; anak exco dapat wang zakat dan banyak lagi.

Terbaru ialah pewartaan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) 2002 ala-Pas pada 28 Oktober lalu menimbulkan kemarahan rakyat Terengganu.

Di Kelantan pula, tidak lama dulu, Mustapa mengumumkan BN akan melancarkan program Gemilang Kelantan dan Mesra Rakyat. Mungkin strategi itu di peringkat akhir dan akan dilancarkan oleh Pak Lah tidak lama lagi.

Kita yakin, Mustapa juga akan menerbitkan secara bertulis (risalah)

penyelewengan, pembohongan dan kesilapan Pas di Kelantan dan akan disebar ke seluruh negeri itu.

Pergeseran kepemimpinan bahagian Umno di Kelantan semakin tipis, bahkan Bahagian Jeli pimpinan Mustapa; Bahagian Gua Musang (Tengku Razaleigh Hamzah) dan Bahagian Pasir Mas (Datuk Ibrahim Ali) tidak mempunyai riak 'punah'.

Kesemua jawatankuasa dan kepemimpinan bahagian berkenaan telah jitu berpadu. Bahagian lain sedang diperkukuhkan dan jangan bimbang taufannya telah hampir ke muara.

Kita yakin, jika tiada ombak besar melanda, pasti bahagian lain juga akan tenang. Untuk dikatakan tidak mempunyai masalah langsung adalah mustahil kerana 'kasut dengan stokin' kadang-kadang bergaduh - menuduh siapa dulu yang keluarkan bau busuk!

Mustapa pun macam Pak Lah. Mustapa faham benar dengan angin timur ini sama ada membawa hujan atau hanya guruh saja. Apapun, Mustapa perlu bersyukur kerana angin perubahan telah bertiup kencang di Kelantan.

Pilihan raya umum kali ini bertambah hebat di Terengganu umpama 'buku bertemu ruas' apabila Pak Lah akan bertembung dengan Hadi Awang yang 'keras' itu. Begitu juga di Kelantan, apabila Mustapa akan berdepan dengan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Apapun insiden yang berlaku, melihat kepada keadaan semasa dan sambutan rakyat terhadap Umno, kita yakin Umno dan BN mampu menolak pemimpin Pas di Wisma Darul Iman dan Kota Darul Naim itu.

Kita juga yakin rakyat kedua-dua negeri itu akan membuat pilihan yang tepat. Lagi pun, banyak kalangan kepemimpinan Umno kedua-dua negeri itu berjaya menambat hati rakyat.

Misalnya di Terengganu, keperibadian Idris (Besut), Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor (Besut), Datuk Abdul Rahman Bakar (Marang), Nasir Ibrahim Fikri (Kuala Nerus), Datuk Rosli Mat Hassan (Dungun) dan Datuk Ahmad Said (Kemaman) - sekadar beberapa nama yang terbukti diterima masyarakat setempat.

Di Kelantan pula, Mustapa wajar menonjolkan tokoh yang mampu membawa perubahan. Maksudnya gandingan yang lama dan yang baru adalah perlu. Kalau ada yang lama hanya mampu memanaskan kerusi bahagian saja tetapi tidak diterima masyarakat setempat apa guna mereka bertanding.

Justeru, Mustapa perlu berani membuat perubahan. Muka baru seperti Datuk Dr Awang Adek Hussin (Bachok), Datuk Suparadi Mohd Noor (Tanah Merah), Datuk Shukri Mohamed (Pasir Puteh), Datuk Ramzi Abdul Rahman (Tumpat), Jazlan Mohamed (Machang), Dr Azmi Setapa (Jeli) - sekadar beberapa nama yang sesuai dengan angin perubahan di Kelantan yang boleh Mustapa masukkan ke dalam 'buku kecilnya'!

Jika Idris dan Mustapa berani membuat perubahan dan mengatur langkah menggandingkan muka lama dan baru, sekali ini pemimpin Pas Kelantan dan Terengganu hanya mampu menelan air liur. Itulah cabaran Idris dan Mustapa dalam menghadapi kemelut politik.